PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

| | |
|---|---|
| Newspaper | Utusan Malaysia |
| Date | 28 July 2015 |

# PM, TPM HADIR RUMAH TERBUKA AIDILFITRI KUMPULAN CIMB

PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin menghadiri majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Kumpulan CIMB yang berlangsung di Hotel Hilton, Kuala Lumpur, semalam.

Ketibaan Najib dan Muhyiddin disambut oleh Pengerusi Kumpulan CIMB, Datuk Seri Nazir Razak dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulannya, Tengku Datuk Zafrul Aziz Tengku Abdul Aziz.

Turut mencemar duli berangkat ke majlis itu ialah Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah serta Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim.

Antara tetamu kenamaan yang hadir ialah Yang Dipertua Negeri Melaka, Tun Mohd. Khalil Yaakob; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar; Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Maybank, Datuk Abdul Farid Alias; Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan AirAsia, Tan Sri Tony Fernandes serta Pengerusi Uda Holdings Bhd., Datuk Johari Abdul Ghani.

